

1. Simpankira merupakan proses
 - A. merekod urusan dalam dua akaun yang berbeza
 - B. memindahkan catatan di dalam buku catatan pertama ke lejar
 - C. mengelas, merekod, mentafsir, melapor dan menganalisis maklumat kewangan
 - D. merekod urusan perniagaan secara tepat dan sistematik berasaskan prinsip catatan bergu

2. Berikut ialah salah satu konsep perakaunan.

Bangunan yang dibeli pada 1 Januari 1997 pada harga RM225 000 masih direkod dengan nilai yang sama pada tahun kewangan 2007

Pernyataan di atas merujuk kepada konsep

- A. materialiti
 - B. ketekalan
 - C. kos sejarah
 - D. entiti berasingan
3. Di antara berikut, yang manakah **benar** tentang perniagaan milikan tunggal
 - I. Bilangan pemilik hanya seorang
 - II. Liabiliti pemilik perniagaan adalah terhadap
 - III. Didaftarkan di bawah Pendaftar Perniagaan
 - IV. Laporan kewangannya hendaklah dihebahkan kepada orang ramai.
 - A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. I dan IV
 - D. II dan IV
4. Kitaran Perakaunan merupakan
 - A. satu proses merekod dan menyediakan maklumat perakaunan
 - B. satu proses menyediakan dokumen sehingga pelaporan maklumat perakaunan
 - C. satu proses yang menunjukkan turutan tatacara perakaunan yang berlaku dalam satu tempoh perakaunan
 - D. satu proses menyediakan Akaun Perdagangan & Untung Rugi dan Kunci Kira-kira bagi satu tempoh perakaunan.

5. Ikan Segar Berhad, sebuah syarikat yang menternak ikan patin sentiasa mengemaskinikan rekod perakaunannya untuk memastikan pihak-pihak berkaitan dengan syarikat memperoleh maklumat yang sepatutnya.

Di antara berikut, yang manakah pasangan yang **benar**?

	Pengguna	Tujuan
I	Lembaga Hasil Dalam Negeri	Pengiraan Cukai
II	Pelabur	Penilaian Prestasi
III	Bank	Pemberian faedah dan dividen
IV	Pemiutang	Melihat kemampuan menjelaskan hutang

- A. I, II dan III
 B. I, II dan IV
 C. I, III dan IV
 D. I, II, III dan IV
6. Berikut adalah Akaun Perdagangan Kedai Makan Sedap

Akaun Perdagangan Bagi Tahun Berakhir 30 September 2007			
	RM		RM
Belian	2 000	Jualan	12 000
Stok Awal	<u>6 000</u>		
	8 000		
Tolak: X	<u>3 000</u>		
Kos Jualan	5 000		

Apakah X?

- A. Stok Akhir
 B. Untung Kasar
 C. Untung Bersih
 D. Kos barang untuk dijual
7. Maklumat yang terdapat dalam Kunci Kira-kira ialah
- I. Modal Kerja
 II. Untung Bersih
 III. Tajuk dan tarikh
 IV. Jumlah hasil dan belanja perniagaan
- A. I, II dan III
 B. I, II dan IV
 C. II, III dan IV
 D. I, II, III dan IV

8. Aset Bukan Semasa mempunyai ciri-ciri berikut **kecuali**:
- tidak mudah ditukar ke bentuk tunai
 - mempunyai jangka hayat yang panjang
 - digunakan untuk menjalankan perniagaan
 - tidak tahan lama untuk beberapa tempoh perakaunan
9. Data 1 menunjukkan aset dan liabiliti Perniagaan Neemaz pada 30 Jun 2007.

	RM
Kenderaan	25 000
Stok	5 840
Penghutang	1 210
Tunai	2 720
Overdraf	450
Komisen diterima terdahulu	50

Data 1

Hitungkan modal perniagaan pada tarikh tersebut.

- RM28 830
 - RM34 270
 - RM34 370
 - RM35 170
10. Di antara berikut yang manakah **benar** mengikut persamaan perakaunan.

	ASET	LIABILITI	EKUITI PEMILIK
A.	RM25 320	RM5 000	RM30 320
B.	RM25 320	RM30 320	RM5 000
C.	RM30 320	RM5 000	RM25 320
D.	RM30 320	RM5 000	RM35 320

Soalan 11 dan 12 adalah berdasarkan Dokumen 1 di bawah.

???

Salinan



MYA ZARRA ENTEPRISE

Lot 161, Jalan Putri

25250 Kuantan, Pahang

Tel: 609-296 0557

Kepada

KEDAI BUNGA WANGI

28100 Temerloh, Pahang

ND 0370

Tarikh : 03/07/2007

Akaun tuan telah didebitkan seperti berikut

<i>Kuantiti</i>	<i>Butir</i>	<i>Harga</i>	<i>Jumlah</i>
5	Pokok orkid (Tertinggal caj dalam invoice)	22.00	110.00
			110.00
	Tolak : Diskaun Niaga 10%		11.00
			99.00

(Ringgit: Sembilan puluh sembilan sahaja)

Luqman

pengurus

Dokumen 1

11. Dokumen 1 adalah:
- Makluman Kredit
 - Makluman Debit
 - Nota Kredit
 - Nota Debit
12. Namakan Buku Catatan Pertama yang digunakan oleh Mya Zarra Entepreise untuk merekod urusanniaga ini.
- Jurnal Belian
 - Jurnal Jualan
 - Jurnal Pulangan Belian
 - Jurnal Pulangan Jualan
13. Buku Tunai Tiga Lajur digunakan untuk merekod
- bayaran cek kepada pemiutang
 - bayaran komisen kepada jurujual
 - penerimaan tunai daripada penghutang
 - penerimaan diskaun niaga daripada pembekal
- I, II dan III
 - I, II dan IV
 - I, III dan IV
 - II, III dan IV
14. Berikut adalah petikan Buku Tunai Restoran Seri Cemerlang

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Diskaun Diberi	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun Diterima	Tunai	Bank
Mac 1	Baki b/b		525	2500	Mac 2	Sewa			500
13	Kedai Din	25		1225	10	Belian		230	

Yang berikut menerangkan urusanniaga 13 Mac **kecuali**

- Kedai Din menjelaskan hutang kepada Restoran Seri Cemerlang sebanyak RM1225
- Kedai Din menerima diskaun daripada Restoran Seri Cemerlang sebanyak RM25
- Kedai Din merupakan pemiutang kepada Restoran Seri Cemerlang
- Jumlah hutang Kedai Din ialah RM 1250

15.

Pemilik mengeluarkan wang sendiri untuk membayar deposit sewa bagi premis perniagaannya.

Berdasarkan urusan di atas manakah catatan yang benar dalam Jurnal Am

	Debit	Kredit
A.	Akaun Deposit Sewa	Akaun Modal
B.	Akaun Sewa	Akaun Modal
C.	Akaun Ambilan	Akaun Sewa
D.	Akaun Modal	Akaun Deposit Sewa

16. Antara berikut yang manakah merupakan Akaun Nominal

- I. Akaun Stok
- II. Akaun Sewa
- III. Akaun Gaji
- IV. Akaun Tunai

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

17. Di antara berikut yang manakah tujuan pengkelasan lejar?

- I. Memudahkan kerja merekod kerana seorang kerani bertanggungjawab ke atas satu lejar sahaja.
- II. Membolehkan kerja merekod diagih kepada beberapa orang kerani
- III. Maklumat perakaunan boleh didapati dengan mudah
- IV. Mengurangkan kesilapan

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. I, II, III dan IV

18.

Pemilik perniagaan Paku Batu Construction telah mengambil 10 tin cat bernilai RM67 setin untuk didermakan kepada Rumah Anak Yatim Seri Intan

Apakah catatan yang perlu direkod dalam lejar?

- A.
- | Akaun Ambilan | Akaun Tunai | | | | | | | | | | | | |
|---|-------------|-------------|--|-------|-----|--|---|--|--|----|--|--|-------------|
| <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 10%;"></td> <td style="width: 10%; text-align: center;">RM</td> <td style="width: 80%;"></td> </tr> <tr> <td>Tunai</td> <td style="text-align: right;">670</td> <td></td> </tr> </table> | | RM | | Tunai | 670 | | <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 10%;"></td> <td style="width: 10%;"></td> <td style="width: 80%; text-align: right;">RM</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td style="text-align: right;">Ambilan 670</td> </tr> </table> | | | RM | | | Ambilan 670 |
| | RM | | | | | | | | | | | | |
| Tunai | 670 | | | | | | | | | | | | |
| | | RM | | | | | | | | | | | |
| | | Ambilan 670 | | | | | | | | | | | |
- B.
- | Akaun Ambilan | Akaun Belian | | | | | | | | | | | | |
|--|--------------|-------------|--|--------|-----|--|---|--|--|----|--|--|-------------|
| <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 10%;"></td> <td style="width: 10%; text-align: center;">RM</td> <td style="width: 80%;"></td> </tr> <tr> <td>Belian</td> <td style="text-align: right;">670</td> <td></td> </tr> </table> | | RM | | Belian | 670 | | <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 10%;"></td> <td style="width: 10%;"></td> <td style="width: 80%; text-align: right;">RM</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td style="text-align: right;">Ambilan 670</td> </tr> </table> | | | RM | | | Ambilan 670 |
| | RM | | | | | | | | | | | | |
| Belian | 670 | | | | | | | | | | | | |
| | | RM | | | | | | | | | | | |
| | | Ambilan 670 | | | | | | | | | | | |
- C.
- | Akaun Derma | Akaun Belian | | | | | | | | | | | | |
|--|--------------|-----------|--|--------|-----|--|---|--|--|----|--|--|-----------|
| <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 10%;"></td> <td style="width: 10%; text-align: center;">RM</td> <td style="width: 80%;"></td> </tr> <tr> <td>Belian</td> <td style="text-align: right;">670</td> <td></td> </tr> </table> | | RM | | Belian | 670 | | <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 10%;"></td> <td style="width: 10%;"></td> <td style="width: 80%; text-align: right;">RM</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td style="text-align: right;">Derma 670</td> </tr> </table> | | | RM | | | Derma 670 |
| | RM | | | | | | | | | | | | |
| Belian | 670 | | | | | | | | | | | | |
| | | RM | | | | | | | | | | | |
| | | Derma 670 | | | | | | | | | | | |
- D.
- | Akaun Belian | Akaun Derma | | | | | | | | | | | | |
|---|-------------|------------|--|-------|-----|--|--|--|--|----|--|--|------------|
| <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 10%;"></td> <td style="width: 10%; text-align: center;">RM</td> <td style="width: 80%;"></td> </tr> <tr> <td>Derma</td> <td style="text-align: right;">670</td> <td></td> </tr> </table> | | RM | | Derma | 670 | | <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 10%;"></td> <td style="width: 10%;"></td> <td style="width: 80%; text-align: right;">RM</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td style="text-align: right;">Belian 670</td> </tr> </table> | | | RM | | | Belian 670 |
| | RM | | | | | | | | | | | | |
| Derma | 670 | | | | | | | | | | | | |
| | | RM | | | | | | | | | | | |
| | | Belian 670 | | | | | | | | | | | |

19. Akaun manakah yang disenaraikan di ruangan debit Imbangan Duga?

- A. Akaun Pinjaman
- B. Akaun Diskaun Diterima
- C. Akaun Sewa Dibayar Terdahulu
- D. Akaun Komisen Diterima Terdahulu

20.

Belian barang niaga daripada Aiman RM1160 telah dicatat dalam Akaun Aman

Bagaimanakah kesilapan di atas dibetulkan di dalam Jurnal Am?

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
A. Aiman Belian	1160	1160
B. Belian Aiman	1160	1160
C. Aman Aiman	1160	1160
D. Aiman Aiman	1160	1160

21. Perniagaan Meriam mempunyai tempoh perakaunan berakhir 31 Ogos setiap tahun. Sewa tahunan yang perlu dijelaskan berjumlah RM1 200. Apabila tempoh perakaunan tamat, sewa bulan Julai dan Ogos masih tertunggak.

 Akaun Sewa Dibayar yang manakah **benar**?

A.

Akaun Sewa Dibayar	
	RM
Sewa di bayar terakru	200

B.

Akaun Sewa Dibayar	
	RM
Sewa di bayar terakru	200

C.

Akaun Sewa Dibayar	
	RM
Tunai	1 000
Sewa di bayar terakru	200

D.

Akaun Sewa Dibayar	
	RM
Tunai	1 000
Sewa di bayar terdahulu	200

22. Sebuah mesin dibeli dengan harga RM40 000 pada 1 Julai 2004. Pada 31 Disember 2006, mesin ini dijual dengan harga RM30 000.

Akaun Mesin bagi tahun 2006 ialah

A. Akaun Mesin					
2006			2006		
		RM			RM
Jan 1	Baki b/b	40 000	Dis 31	Pelupusan Mesin	40 000

B. Akaun Mesin					
2006			2006		
		RM			RM
Dis 31	Pelupusan Mesin	40 000	Jan 1	Baki b/b	40 000

C. Akaun Mesin					
2006			2006		
		RM			RM
Jan 1	Baki b/b	40 000	Dis 31	Pelupusan Mesin	30 000
				Baki h/b	10 000

D. Akaun Mesin					
2006			2006		
		RM			RM
Dis 31	Pelupusan Mesin	30 000	Jan 1	Baki b/b	40 000
	Baki h/b	10 000			

23. Data 2 diperolehi daripada Imbangan Duga Perabot Klasik Sdn. Bhd. pada 30 Jun 2007

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Penghutang	20 000	
Hutang Lapuk	300	

Data 2

Perabot Klasik Sdn. Bhd. telah mewujudkan peruntukan hutang ragu sebanyak 6% atas penghutang bersih.

Hitungkan peruntukan hutang ragu 31 Disember 2006.

- A. RM1 218
- B. RM1 200
- C. RM1 182
- D. RM900

24. Maklumat berikut diperlukan untuk penyediaan Kunci Kira-kira
- I. Stok Awal
 - II. Modal Awal
 - III. Gaji Terdahulu
 - IV. Stok Alat Tulis
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV
25. Semasa menjumlahkan lajur Akaun Perdagangan dan Untung Rugi di dalam Lembaran Kerja, lebihan di lajur kredit menunjukkan
- A. Rugi kasar
 - B. Rugi bersih
 - C. Untung kasar
 - D. Untung bersih
26. Baki-baki berikut dipetik daripada Perniagaan Seri Indah pada 31 Disember 2006.

2006		RM
Januari 1	Baki debit Lejar Jualan	4 200
Disember 31	Bayaran oleh pelbagai penghutang	17 940
	Diskaun diberi	200
	Faedah dikenakan atas penghutang	100
	Pindahan dari Lejar Jualan ke Lejar Belian	150
	Baki debit Lejar Jualan	2 696

Kira jualan kredit pada 31 Disember 2006

- A. RM16 468
- B. RM16 886
- C. RM16 686
- D. RM16 786

27. Di antara berikut yang manakah sumber penerimaan tunai

- I. Jualan tunai
- II. Pinjaman bank
- III. Modal tambahan
- IV. Baki awal tunai di tangan

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

28. Data 3 diperoleh daripada buku Kedai Elektrik Wong

Buku Tunai (Ruangan Bank)					
2007		RM	2007		RM
Feb 1	Baki b/b	1 230	Feb 5	Upah (No cek 11011)	650

Penyata Bank (petikan)

Tarikh	Butir	No Cek	Debit	Kredit	Baki
2007			RM	RM	RM
Feb 10	Cek	11011	560		

Jumlah upah telah tersalah catat dalam Buku Tunai

Apakah catatan yang perlu dilakukan dalam Buku Tunai untuk membetulkan kesilapan itu?

- A. Debit RM90
- B. Kredit RM90
- C. Debit RM650
- D. Kredit RM650

29. Data 4 diperoleh daripada buku perkongsian Baba dan Didi pada 31 Ogos 2007

	(RM)
Untung bersih	4 000
Faedah atas ambilan	60
Faedah atas modal	1 500
Faedah atas pinjaman pekongsi	1 000

Data 4

Untung atau rugi dibahagi secara sama rata antara dua orang pekongsi tersebut.

Hitung bahagian untung setiap pekongsi itu.

- A. RM1 220
 B. RM1 280
 C. RM2 280
 D. RM2 720
30. Ana dan Ani telah menubuhkan perniagaan Perkongsian Nani dengan modal masing-masing sebanyak RM25 000 dan RM40 000. Setelah dua tahun beroperasi, satu perselisihan faham berlaku dan kes ini dibawa ke mahkamah. Oleh kerana tiada Ikatan Perkongsian, maka mahkamah memutuskan supaya Akta Perkongsian 1961 dipatuhi iaitu
- A. Tiada untung diagihkan
 B. Untung diagih sama rata
 C. Pengagihan untung ditangguhkan
 D. Untung diagih mengikut nisbah modal
31. Modal dibenarkan bagi Green Park Berhad terdiri daripada 3 000 000 saham biasa bernilai RM1.00 setiap. Syarikat ini telah menerbitkan 2 500 000 saham biasa kepada orang awam pada nilai tara. Semua saham diterbitkan dan berbayar penuh.

Hitung modal berbayar Green Park Berhad

- A. RM500 000
 B. RM2 500 000
 C. RM3 000 000
 D. RM5 500 000

32. Di antara berikut yang manakah berkaitan pemegang saham keutamaan
- I. Tidak berhak mengundi
 - II. Berhak menerima tunggakan dividen
 - III. Tuntutan pembayaran balik modal sebelum tuntutan saham biasa
 - IV. Kadar dividen tidak tetap bergantung kepada keuntungan syarikat
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV
33. Berikut merupakan perbelanjaan modal bagi Kelab Sukan Putra Putri **kecuali**
- A. Pembinaan gelanggang badminton
 - B. Kos pengubahsuaian bangunan kelab
 - C. Pembelian hadiah untuk pertandingan
 - D. Pembelian meja ping pong
34. Data 5 menunjukkan maklumat bagi Kelab Cinta Budaya Kuantan

Yuran setiap ahli	RM30 sebulan
Bilangan ahli	20 orang
Kutipan yuran setahun	RM7 200

Data 5

Berapakah jumlah yuran yang perlu ditunjukkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2006.

- A. RM6 000
 - B. RM7 200
 - C. RM1 200
 - D. RM360
35. Dalam Kaedah Analisis, Akaun Kawalan Penghutang boleh digunakan untuk mencari
- A. Jualan kredit
 - B. Diskaun diberi
 - C. Cek Tak Layan
 - D. Pulangan Jualan

36. Data 6 menunjukkan maklumat perniagaan Kedai Permainan Seng.

	RM
Modal 1 September 2006	37 800
Modal 31 Ogos 2007	32 500
Ambilan	3 000
Modal tambahan	9 000

Data 6

Dengan menggunakan kaedah perbandingan, hitung untung atau rugi bersih Kedai Permainan Seng.

- A. Untung bersih RM17 300
 B. Untung Bersih RM7 700
 C. Rugi Bersih RM11 300
 D. Rugi Bersih RM6 700
37. Jumlah kos bahan mentah digunakan dan kos buruh langsung adalah
- A. Kos prima
 B. Kos jualan
 C. Kos overhead
 D. Kos Pengeluaran
38. Data 7 menunjukkan kos pengeluaran Perniagaan Cik Anna yang mengeluarkan kerepek pisang dengan harga jualan RM8 seunit.

	RM
Bahan mentah seunit	3
Buruh langsung seunit	2
Sewa kedai	1 000
Susut nilai aset tetap	5 000

Syarikat itu ingin mendapatkan keuntungan sebanyak RM900.
 Berapakah unit yang perlu dikeluarkan?

- A. 1 000
 B. 1 380
 C. 2 000
 D. 2 300

39. Butir berikut dipetik daripada Akaun Perdagangan Pusat Optik Nizani bagi tahun berakhir 30 September 2007.

	RM
Stok pada 1 Oktober 2006	3 500
Stok pada 30 September 2007	2 500
Kos jualan	24 000

Hitung kadar pusing ganti stok.

- A. 4 kali
 - B. 6 kali
 - C. 7 kali
 - D. 8 kali
40. Melalui nisbah kecairan pengguna maklumat perakaunan dapat
- A. menilai tahap keuntungan
 - B. mengetahui kemampuan menjelaskan liabiliti
 - C. menilai kecekapan syarikat menguruskan stok
 - D. menilai prestasi pengurusan perniagaan syarikat

KERTAS SOALAN TAMAT